

SEMAKAN DERAf GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN

INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KETELUSAN PELESENAN

PIHAK BERKUASA MELESEN (PBM): PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

**NAMA GARIS PANDUAN: GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PEMAMERAN FILEM
/ VIDEO**

NAMA PELESENAN: LESEN PEMAMERAN FILEM/VIDEO

NO	PERKARA	MAKLUMBALAS
1.	Maklumat tahun/ edisi terbitan @ kuatkuasa	Tiada maklumat tentang tahun terbitan dan tarikh kuatkuasa penggunaan garis panduan (GP). Kelulusan penggunaan (GP) juga tidak dinyatakan
2	Maklumat untuk dihubungi	Maklumat untuk dihubungi hanya terdapat pada muka suarat akhir GP. Dicapangkan maklumat bahagian/ nama jawatan yang menguruskan lesen ini diletakkan untuk memudahkan pemohon berurusan.
3	Tujuan /pendahuan GP	Tujuan dan pendahuluan GP perlu ditambahbaik. Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan?? (Senaraikan)
4	Skop Perlesenan	Skop perlesenan tidak dinyatakan dengan jelas.
5	Syarat/ keperluan pematuhan <u>sebelum</u> permohonan	Syarat pematuhan/ kelayakkan permohonan ada dinyatakan tetapi Pihak Berkuasa Melesen (PBM) dicadangkan untuk membahagikan/memperincikan: 1. Syarat/ kelayakan memohon 2. Cara memohon 3. Dokumen sokongan yang diperlukan Hanya link untuk mendapat borang terdapat dalam garis panduan ini. PBM juga perlu menambah maklumat Kaunter Perlesenan (no telefon. Waktu berurusan & dll)

		Borang BPL-1?? (borang sama dengan permohonan pengeluaran filem/ video & Pengedaran filem/video) Borang/dokumen sokongan yang diperlukan juga telah disenaraikan tetapi perlu diringkaskan: contoh iii) Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian, Seksyen 17 Akta Syarikat 2016 (Borang 9, Akta Syarikat 1965)*; KEPADA Borang 9, Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian*. Syarat-syarat yang terdapat dalam Jadual Ketiga, Peraturan 1983 (syarat sedia ada/ baru) hendaklah diperincikan di dalam GP ini.
6	Carta alir proses utama & piagam pelanggan	<i>Process flow</i> boleh ditambahbaik dengan menggunakan gambarajah. Masa untuk memproses permohonan juga tidak dinyatakan.
7	Borang permohonan	Borang-borang permohonan yang berkaitan tidak dilampirkan. Tatacara mengisi borang dan contoh borang dan dokumen sokongan yang diperlukan juga tiada. Ini menyukarkan pemohon membuat perbandingan samaada mereka menggunakan borang dan melampirkan dokumen sokongan yang betul.
8	Senarai semak	Senarai semak permohonan lesen ini perlu disediakan. Pemohon boleh menggunakannya untuk menyemak borang dan dokumen sokongan yang perlu dihantar dan pihak pejabat boleh memastikan dokumen yang diterima lengkap.

9	Kuasa Perundangan	PBM boleh menambahbaik bahagian ini dengan memperincikan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
10	Deposit	Tatacara dan syarat-syarat untuk mendapatkan kembali deposit tiada. PBM perlu menyatakan syarat dan cara untuk pemegang lesen mendapatkan semula deposit mereka selepas lesen tamat.
11	Matlumat pembaharuan, pembatalan dan pindaan	Maklumat pembaharuan tidak dinyatakan tetapi terdapat GP lain untuk proses permohonan pembaharuan lesen. Tiada sebab-sebab pembatalan lesen dinyatakan. Jadual Ketiga, Peraturan 1983 perlu diperincikan untuk membolehkan pemohon mengetahui sebab-sebab pembatalan lesen berlaku.

Catatan tambahan (jika ada) ;

1. Muka depan dan susun atur GP ini boleh ditambahbaik dengan menggunakan kriteria yang digunakan oleh pihak MPC.
2. Ayat yang digunakan juga boleh ditambahbaik dengan menggunakan ayat yang lebih ringkas dan tepat.

Semakan oleh: MANZALINA BT SULAIMAN

Tarikh: 29/11/2020

Adalah diperakui bahawa barang-barang/ perkhidmatan yang dipesan telah dilaksanakan dengan sempurna



Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)